



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 5/2020

**CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS SURAT KHBAR ATAS TALIAN, JURNAL DAN
TERBITAN BERKALA ATAS TALIAN**

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing adalah tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan.
2. Menteri Kewangan telah menetapkan surat khabar atas talian, jurnal dan terbitan berkala atas talian yang merupakan suatu perkhidmatan digital termasuk yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan, **tidak** tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 Januari 2020.
3. Perkhidmatan atas talian yang terlibat adalah:
 - 3.1 Surat khabar atas talian termasuk versi digital cetakan surat khabar di bawah kod tarif 4902.10 dan 4902.90;
 - Surat khabar atas talian merujuk kepada terbitan yang dibuat pada selang masa yang tetap di mana setiap isu adalah bertarikh dan sering dinomborkan. Terbitan adalah berkaitan berita umum, kehendak umum, juga bersamanya artikel sastera sama ada mengenai subjek semasa, sejarah, biografi, dan lain-lain. Ia juga secara amnya menyediakan sejumlah besar ruang untuk ilustrasi dan iklan.
 - 3.2 Jurnal pendidikan, teknikal, saintifik, sejarah atau budaya dan terbitan berkala atas talian termasuk versi digital cetakan jurnal dan terbitan berkala di bawah kod tarif 4902.90.10 00 dan lain-lain terbitan di bawah kod tarif 4902.90.90 00
 - Jurnal dan terbitan berkala merujuk kepada penerbitan yang dikeluarkan setiap minggu, dua minggu, bulanan, suku tahunan atau setengah tahun.
4. Layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan secara atas talian surat khabar, jurnal dan terbitan berkala di para 3.1 dan 3.2 yang mana cukai perkhidmatan dikenakan atas pemberian atau pengimportan perkhidmatan teknologi maklumat, adalah seperti berikut:
 - 4.1 **Bagi Tempoh Peralihan** untuk Perkhidmatan di para 3 adalah dikecualikan dari cukai perkhidmatan di bawah Seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mulai 1 Januari 2020.

4.2 **Pelarasan kenaan cukai yang dikecualikan** adalah seperti berikut:

4.2.1 Penyedia perkhidmatan tempatan:

- (a) Jika cukai perkhidmatan yang dikenakan telah diakaunkan atas asas invois, walaupun bayaran belum diterima ke atas perkhidmatan yang akan diberikan pada atau selepas 1 Januari 2020, orang berdaftar hendaklah mengeluarkan nota kredit kepada pelanggan di bawah peraturan 11(1) Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan membuat pelarasan di bawah peraturan 11(2) Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; atau
- (b) Jika perkhidmatan diberikan bagi tempoh sebelum 1 Januari 2020 dan berterusan menjangkau 1 Januari 2020, orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai, mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberikan sebelum 1 Januari 2020 sahaja.

4.2.2 Mana-mana orang yang memperoleh perkhidmatan di para 3 yang diimport:

- (a) Jika invois telah diterima atau bayaran kepada penyedia perkhidmatan telah dibuat sebelum 1 Januari 2020 ke atas perkhidmatan yang akan diperoleh pada atau selepas 1 Januari 2020 dan cukai genap masa telah diakaunkan sebelum 1 Januari 2020, tiada tuntutan bayaran balik dibenarkan.
- (b) Jika pengimportan perkhidmatan bercukai diperoleh bagi tempoh sebelum 1 Januari 2020 dan berterusan menjangkau 1 Januari 2020, penerima perkhidmatan perlu mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas pengimportan perkhidmatan bercukai bagi tempoh diliputi sebelum 1 Januari 2020 sahaja.

4.3 **Tiada tuntutan bayaran balik (*refund*)** cukai perkhidmatan dibenarkan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan.

- 5. Penyediaan perkhidmatan atas talian selain dari para 3.1 dan 3.2 adalah tidak tertakluk di bawah polisi ini dan ia kekal sebagai suatu perkhidmatan digital yang dikenakan cukai.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA